



Send through : PUBLIC MUTUAL BHD

Fund Type

Account No

**HEAD OFFICE/
IBU PEJABAT:**

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad 198401019089 (131646-K)

27th Floor, Annexe Block, Menara Takaful Malaysia.

No 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

P.O. Box 11483, 50746 Kuala Lumpur

W takaful-malaysia.com.my

T 1-300 88 252 385

E csu@takaful-malaysia.com.my

Certificate / e-Certificate No.
No. Sijil / e-Sijil

NOMINATION FORM / BORANG PENAMAAN

Please complete this form in CAPITAL LETTERS and tick [✓] in the boxes as appropriate. / Sila lengkapkan borang ini dengan HURUF BESAR dan tandakan [✓] pada kotak yang berkenaan.

CERTIFICATE DETAILS / MAKLUMAT SIJIL

1	Name of Participant Nama Peserta																											
2	NRIC No. Kad Pengenalan															Other ID No. No. ID Lain												
3	Mobile Number No. Telefon Bimbit															Email Address E-mel												
4	Name of Person Covered Nama Orang yang Dilindungi																											
5	NRIC No. Kad Pengenalan															Other ID No. No. ID Lain												
6	Mobile Number No. Telefon Bimbit															Email Address E-mel												
7	Correspondence Address Alamat Surat-menyurat																											
	Postcode Poskod						State Negeri											Country Negara										

APPOINTMENT OF NOMINEES / PELANTIKAN PENAMA

IMPORTANT NOTE / NOTA PENTING :

1. This section is not applicable to the Person Covered is different from the Participant.
Bahagian ini tidak berkaitan jika Orang Yang Dilindungi berbeza dengan Peserta.
2. You are advised to nominate a nominee(s) and ensure that the nominee(s) is/are aware of this Family Takaful Plan (the "Certificate") that you have participated. By virtue of Section 142 of the Islamic Financial Services Act 2013, you may assign the Takaful benefits to a nominee or designate the nominee to receive the Takaful benefits as beneficiary under conditional hibah (as described in item 7) or designate the nominee to receive the Takaful benefits as an executor (as described in item 10). You should from time to time examine if the nomination created remains relevant to your specific situation, and amend or revoke the nomination if it is not.
Anda dinasihatkan untuk menamakan penama dan pastikan penama tahu tentang Pelan Takaful Keluarga ("Sijil") yang telah anda sertai. Menurut Seksyen 142, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, anda boleh menyerahkan hak manfaat Takaful kepada penama atau menetapkan penama untuk menerima manfaat Takaful sebagai benefisiari di bawah hibah bersyarat (seperti yang diterangkan dalam perkara 7) atau menetapkan penama untuk menerima manfaat sebagai seorang wasi (seperti yang diterangkan dalam perkara 10). Anda hendaklah dari semasa ke semasa memeriksa sama ada penamaan yang dibuat masih sesuai kepada keadaan khusus anda dan meminda atau membatalkan penamaan sekiranya tidak lagi sesuai.
3. You may specify the percentage of Takaful benefits payable that is intended for each nominee, and in the absence of such direction, the benefits shall be paid in equal shares among the nominees.
Anda boleh menyatakan peratusan manfaat-manfaat Takaful yang perlu dibayar untuk setiap penama, dan sekiranya tiada arahan sedemikian, manfaat-manfaat tersebut akan dibayar sama rata di kalangan penama-penama.
4. Total share must be equal to one hundred percent (100%).
Kesemua jumlah perkongsian mestilah bersamaan dengan seratus peratus (100%).
5. If no nomination is made by you, then upon your death, the benefits shall be paid to the lawful executor or administrator of your estate. If there is no such lawful executor or administrator, the benefits shall be paid to a proper claimant up to the maximum amount in accordance to the prevailing Law of Malaysia at the time of claim, and the balance, if any, will be paid to the person named as the lawful executor or administrator of your estate in accordance with the grant of probate/letters of administration/distribution order received by Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia") subsequently.
Sekiranya tiada penamaan telah dibuat, setelah anda meninggal dunia, manfaat-manfaat akan dibayar kepada wasi atau pentadbir harta pusaka anda yang sah. Jika tidak ada wasi atau pentadbir harta pusaka yang sah, manfaat-manfaat akan dibayar kepada pihak menuntut yang sepatutnya sehingga jumlah maksimum menurut Undang-Undang Malaysia yang terpakai pada masa tuntutan, dan yang selebihnya, jika ada, akan dibayar kepada orang yang dinamakan sebagai wasi atau pentadbir harta pusaka anda menurut geran probet/surat kuasa mentadbir/perintah pembahagian yang diterima oleh Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia") kemudiannya.
6. Takaful Malaysia shall not in any circumstances be bound or concerned to ensure the application of any Takaful benefits which it has paid in respect of this nomination.
Takaful Malaysia tidak akan dalam apa-apa keadaan terikat atau terlibat untuk memastikan penggunaan apa-apa manfaat Takaful yang telah dibayar berkenaan dengan penamaan ini.

Beneficiary(ies) under Conditional Hibah
Benefisiari di bawah Hibah Bersyarat

7. Beneficiary(ies) under a Conditional Hibah (Gift) ("Conditional Hibah") is/are individual(s) entitled to receive the Takaful benefits on the basis of Conditional Hibah. Conditional Hibah has the effect of transferring ownership of the Takaful benefits payable from (i) the Participant Special Account(PSA)/Group Family Takaful Account (GFTA)/Investment-linked Risk Fund (ILRF)/Risk Fund or any other fund(s) which is/are owned by the participants collectively; and (ii) the Participant Account (PA)/Participant Individual Fund (PIF)/Investment-linked fund(s) (ILF(s)) or any other fund(s)/account(s) which is/are owned individually by you, to the Beneficiary(ies) under Conditional Hibah upon your death. If you choose this option, the Takaful benefits will be paid directly to your nominee(s), in accordance with the selected percentage, notwithstanding any written law and it shall not form part of your estate distribution or be subject to any debts you may have. Conditional Hibah is however a revocable gift which you may revoke during your lifetime before it becomes effective upon your death.
Benefisiari di bawah Hibah Bersyarat (Hadiah) adalah individu yang berhak menerima manfaat Takaful berdasarkan Hibah Bersyarat. Hibah Bersyarat mempunyai kesan memindahkan pemilikan manfaat Takaful yang perlu dibayar dari (i) Akaun Khas Peserta (AKP)/Akaun Takaful Keluarga Berkelompok (ATKB)/Dana Risiko Berkaitan-Pelaburan(ILRF)/Dana Risiko atau sebarang tabung lain yang dimiliki oleh semua peserta secara kolektif; dan (ii) Akaun Peserta (AP)/Dana Individu Peserta (DIP)/ Dana Berkaitan-Pelaburan (ILF(s)) atau sebarang dana lain yang dimiliki oleh Anda secara individu, yang perlu dibayar kepada Benefisiari di bawah Hibah Bersyarat selepas kematian anda. Jika anda memilih pilihan ini, manfaat Takaful akan dibayar terus kepada penama (penama-penama) anda, mengikut peratusan yang dipilih, tanpa mengambil kira mana-mana undang-undang bertulis dan tidak akan menjadi sebahagian daripada pembahagian harta pusaka atau tertakluk kepada sebarang hutang yang mungkin anda miliki. Hibah Bersyarat bagaimanapun adalah hadiah yang anda boleh batalkan semasa hayat anda sebelum ianya berkuatkuasa selepas kematian anda.
8. If there is only one (1) nominee/more than one (1) nominee, and the only nominee/any particular nominee who is nominated as a Beneficiary under Conditional Hibah predeceases you, and no subsequent nomination made to replace the deceased nominee, then upon your death, the share of the deceased nominee shall be paid to your estate.
Jika terdapat hanya satu (1) penama/lebih dari satu (1) penama, dan satu-satunya penama/mana-mana satu penama yang dinamakan sebagai seorang Benefisiari di bawah Hibah Bersyarat itu meninggal dunia terlebih dahulu daripada anda dan tiada penamaan terkemudian telah dibuat bagi menggantikan penama yang meninggal dunia itu, apabila anda meninggal dunia, bahagian penama yang meninggal dunia akan dibayar kepada harta pusaka anda.
9. If a Beneficiary under Conditional Hibah dies after your death but before the payment of benefits has been effected, the Takaful benefits shall be paid to the estate of the deceased Beneficiary under Conditional Hibah.
Jika seorang Benefisiari di bawah Hibah Bersyarat meninggal dunia selepas kematian anda tetapi sebelum apa-apa manfaat Takaful dibayar kepadanya sebagai penama, manfaat-manfaat Takaful akan dibayar kepada harta pusaka Benefisiari di bawah Hibah Bersyarat yang meninggal dunia.
- Executor**
Wasi
10. An executor ("Executor") is an individual appointed by you to distribute the Takaful benefits. If you choose this option, the Takaful benefits will be paid to the Executor for him/her to manage and distribute the monies in accordance with your will or the law relating to the estate distribution as applicable to you.
Wasi ialah individu yang dilantik oleh anda untuk mengagihkan manfaat Takaful. Jika anda memilih pilihan ini, manfaat Takaful akan dibayar kepada Wasi untuk dia menguruskan dan mengagihkan wang tersebut mengikut wasiat anda atau undang-undang yang berkaitan dengan pembahagian harta pusaka yang mana berkenaan dengan anda.
11. If Executor is selected, only ONE (1) nominee can be nominated.
Jika Wasi yang dipilih, hanya SATU (1) penama boleh dilantik.
12. If the Executor dies after your death but before the payment of benefits has been effected, the Takaful benefits shall be paid to your estate.
Jika seorang Wasi meninggal dunia selepas kematian anda tetapi sebelum apa-apa manfaat Takaful dibayar kepadanya, manfaat-manfaat Takaful akan dibayar kepada harta pusaka anda.

DECLARATION ON NOMINATION BY THE PARTICIPANT
PENGAKUAN PELANTIKAN PENAMA OLEH PESERTA

Please tick (✓) either one of the Nomination Type below. The selected Nomination Type will be applied to all the appointed nominee(s).
Sila tanda (✓) pada salah satu Jenis Penamaan di bawah. Jenis Penamaan yang dipilih akan diguna pakai kepada semua penama yang dilantik.

☐ **Beneficiary(ies) under Conditional Hibah**
Benefisiari di bawah Hibah Bersyarat

I have read and understood the Important Notes on Appointment of Nominees above and I hereby:

- (i) voluntarily give the Takaful benefits under the Certificate payable from the Participant Account (PA) /Participant Individual Fund (PIF)/Investment-linked fund(s) (ILF(s)) or any other fund(s)/account(s) which is/are owned individually by me; and
- (ii) authorise Takaful Malaysia to pay the benefits entitled under the Certificate payable from the Participant Special Account(PSA)/Group Family Takaful Account (GFTA)/ Investment-linked Risk Fund (ILRF)/Risk Fund or any other fund(s) which is/are owned by the participants collectively;

to the following nominee(s) as a Beneficiary(ies) under Conditional Hibah and revoke all existing nominee(s) (if any) based on the following conditions:

1. The Hibah will only be payable upon my death; and
2. The Hibah will be payable to the nominee(s) as a Beneficiary(ies) under Conditional Hibah according to the percentage stated.

Saya telah membaca dan memahami Nota Penting tentang Pelantikan Penama di atas dan saya dengan ini:

- i) *secara sukarela memberikan manfaat Takaful di bawah Sijil yang perlu dibayar dari Akaun Peserta (AP)/Dana Individu Peserta (DIP)/ Dana Berkaitan-Pelaburan (ILF(s)) atau sebarang dana lain yang dimiliki oleh saya secara individu; dan*
- ii) *membenarkan Takaful Malaysia supaya membayar manfaat Takaful di bawah Sijil yang perlu dibayar dari Akaun Khas Peserta (AKP)/Akaun Takaful Keluarga Berkelompok (ATKB)/ Dana Risiko Berkaitan-Pelaburan (ILRF) /Dana Risiko atau sebarang dana lain yang dimiliki oleh semua peserta secara kolektif;*

kepada penama (penama-penama) berikut sebagai Benefisiari di bawah Hibah Bersyarat dan saya dengan ini membatalkan semua penama sedia ada (sekiranya ada) berdasarkan syarat-syarat berikut:

1. *Hibah hanya akan dibayar setelah kematian saya; dan*
2. *Hibah akan dibayar kepada penama (penama-penama) berikut sebagai Benefisiari di bawah Hibah Bersyarat berdasarkan peratus yang dinyatakan.*

☐ **Executor**
Wasi

I have read and understood the Important Notes on Appointment of Nominees above and I hereby appoint the following nominee to be the Executor of the Takaful benefits under the Certificate, and payable only upon my death.

Saya telah membaca dan memahami Nota Penting tentang Pelantikan Penama di atas dan saya dengan ini melantik penama berikut untuk menjadi Wasi manfaat Takaful di bawah Sijil, dan hanya dibayar selepas kematian saya.

I hereby authorise Takaful Malaysia to pay the Takaful benefits entitled under the Certificate (if any) to my nominee(s) in the event of my death in accordance with the terms and conditions in the Certificate and as provided under the law. Takaful Malaysia is duly discharged from all liabilities under the Certificate upon payment of the entitled benefits (if any) to the nominee(s).
Bahawasanya dengan ini saya membenarkan Takaful Malaysia supaya membayar apa-apa manfaat Takaful yang layak di bawah Sijil (jika ada) kepada penama (penama-penama) yang dinamakan jika saya meninggal dunia tertakluk kepada terma -terma dan syarat-syarat dalam Sijil mengikut ketetapan undang-undang. Dengan ini Takaful Malaysia adalah bebas daripada semua tanggungan di bawah Sijil tersebut selepas manfaat yang layak (jika ada) telah dibayar kepada penama (penama-penama).

